

**PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapa acara sukan yang bakal dipertandingkan dan apakah perancangan Kementerian kepada atlet untuk Sukan SEA Vietnam 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sedang melaksanakan Program Podium dan Pelapis Kebangsaan di pusat-pusat latihan khusus sebagai persiapan menghadapi temasya sukan utama termasuk Sukan SEA Vietnam XXXI 2021 yang dijadualkan pada 21 November hingga 2 Disember tahun hadapan di Hanoi, Vietnam. Penganjuran ini merupakan kali kedua Vietnam menjadi tuan rumah selepas penganjuran pertamanya pada tahun 2003.

2. Bilangan sukan yang akan dipertandingkan pada temasya Sukan SEA Vietnam 2021 melibatkan sebanyak 40 jenis sukan dengan lebih 500 acara seperti mana yang diumumkan pada 20 November 2020. Sukan-sukan yang akan dipertandingkan adalah Olahraga, Akuatik (Renang dan Terjun), Memanah, Badminton, Bola Keranjang, Tinju, Kanu, Berbasikal (Lebuhraya Dan Basikal Bukit), Sukan Tarian, Lawan Pedang, Bola Sepak, Golf, Gimnastik, Bola Baling, Bola Tampar, Judo,

Karate, Mendayung, Menembak, Ping Pong, Taekwondo, Tenis, Angkat Berat, Gusti, Snuker Dan Biliard, Catur/Xiangqi, Futsal, Muay Thai, Pencak Silat, Petanque, Sepak Takraw, Renang Sirip, Bina Badan, Wushu, Kurash, Kick Boxing dan Vovinam (seni mempertahankan diri Vietnam).

3. Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Institut Sukan Negara (ISN) telahpun **mengenal pasti kumpulan atlet** yang akan bertanding di Vietnam nanti dengan **penglibatan kumpulan atlet-atlet Pelapis** bagi beberapa jenis sukan. Keperluan untuk menyenaraikan kumpulan atlet pelapis ini dilihat perlu bagi menggantikan atlet-atlet senior pada masa hadapan.

4. **Program Latihan Atlet bagi tahun 2020 hingga 2021** juga telah dirangka sebagai persediaan sebelum berlangsungnya temasya ini, namun pelaksanaannya terjejas ekoran daripada penularan wabak COVID-19. Namun begitu, Kementerian melalui MSN dengan kerjasama ISN dan PSK melaksanakan pelbagai program selaras dengan SOP MKN bagi memastikan **prestasi dan kecergasan atlet tidak merudum akibat penularan wabak COVID-19**. Program-program latihan yang dijalankan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini adalah seperti:

- a. Modul latihan sendiri (*self-training module*) dengan pemantauan oleh jurulatih secara atas talian bermula 2 April 2020;
- b. Kelonggaran khas bagi pelaksanaan Kem Latihan Program Khas Road to Tokyo (RTT) secara "*quarantine based approach*" untuk atlet-atlet yang dikenal pasti ke Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Tokyo bermula 1 hingga 30 Jun 2020;
- c. Program Latihan Atlet Sepenuh Masa secara berperingkat bermula 5 Julai 2020 bagi atlet-atlet Program Podium dan Pelapis Kebangsaan; dan

- d. Kebajikan atlet-atlet negara tidak terputus sepanjang tempoh PKP yang dilaksanakan.
5. **Sesi latihan atlet sepenuh masa** ini masih diteruskan dengan pendekatan yang berbeza dimana **pertandingan dalaman tertutup** dan **pertandingan secara atas talian** di antara beberapa buah negara dan kelab dilakukan bagi beberapa sukan seperti:
- a. “Jateng Online Shooting Series Championship” yang diadakan pada 18 Oktober 2020; dan
 - b. “Malaysia Invitational Online Diving Competition” pada 5 hingga 6 Disember 2020.
 - c. Pertandingan simulasi Kejohanan Piala Thomas dan Uber (President’s Cup) pada 16 hingga 17 September 2020 yang disertai oleh seramai 19 atlet di bawah program Podium dan 9 atlet di bawah Program Persatuan Badminton Malaysia (BAM).
 - d. Simulasi Kejohanan Badminton Perseorangan yang diadakan Ogos lalu dengan nama BAM Invitational Badminton Championship.
6. Pihak Kementerian dengan kerjasama semua pemegang taruh akan sentiasa memastikan program-program latihan atlet dapat diteruskan dan prestasi atlet berada di tahap yang terbaik walaupun dengan ancaman pandemik COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.